

24 JUL 2001

MOHD SHAFIE WAKILI MALAYSIA KE MAJLIS PELANTIKAN TOLEDO

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Haji Mohd Shafie Apdal akan mewakili negara pada majlis pelantikan presiden Peru yang baru, Alejandro Toledo di Lima, Sabtu ini.

Menurut kenyataan akhbar Cawangan Perhubungan Awam Kementerian Pertahanan hari ini, Mohd Shafie akan berlepas ke Peru esok dengan diiringi pegawai kanan Kementerian Luar Negeri.

Beliau akan membawa perutusan khas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

SBB DC AKD